

No. Sebut harga : RELANS99/874/4/2024

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Pengarah  
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sembilan  
Kementerian Dalam Negeri  
Tingkat 9, Wisma Persekutuan  
Jalan Dato Abdul Kadir  
70000 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	PERODUA KEMBARA (NBN 9502)	1	RM2,800.00

2. Aset boleh dilihat pada **13 Februari 2024 (Selasa) hingga 22 Februari 2024 (Khamis) (hari bekerja sahaja)** di antara **jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang** seperti di ketetapan berikut:-

- i) Lokasi Aset Alih Kerajaan:

**PEJABAT RELA DAERAH PORT DICKSON**  
No. 68A, Tingkat Atas  
Jalan Maharaja  
71000 Port Dickson  
**NEGERI SEMBILAN**

- ii) Pegawai yang boleh dihubungi:

- a) Pegawai RELA Daerah Port Dickson  
No. Telefon Pejabat : 06-647 3077  
(Sesi Lawatan)
- b) Unit Pengurusan Aset  
No. Telefon Pejabat : 06-761 2721  
(Pertanyaan Mengenai Aset)

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di <https://www.rela.gov.my> atau di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **RELANS99/874/4/2024** dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Pengarah  
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sembilan  
Kementerian Dalam Negeri  
Tingkat 9, Wisma Persekutuan  
Jalan Dato Abd Kadir  
70000 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN**

No. Sebut harga : RELANS99/874/4/2024

5. Tarikh tutup sebut harga pada **22 Februari 2024 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(PPKR MOHAMMAD FAIZ BIN MUSA)

Pengarah

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sembilan  
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh: **07** Februari 2024

No. Sebut harga : RELANS99/874/4/2024

**SYARAT DAN PERATURAN  
SEBUT HARGA PELUPUSAN PERODUA KEMBARA (NBN 9502) MILIK PEJABAT RELA  
DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.**

- a) Sebut Harga ini ditawarkan kepada staf/individu/syarikat yang berminat.
- b) Pegawai dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang melupuskan aset (kenderaan) tidak dibenarkan menyertai Sebut Harga ini kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
- c) Aset (kenderaan) akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- d) Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset (kenderaan) atau RM2,800.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ draf bank berpaling sahaja atas nama Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
- e) Tawaran tanpa/ kurang deposit Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.
- f) Penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan aset tersebut.
- g) Jika penyebut harga enggan mengambil aset selepas sebut harganya disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan.
- h) Semua aset (kenderaan) adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
- i) Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset (kenderaan) yang telah dijual.
- j) Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset (kenderaan) seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- k) Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
- l) Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
- m) Penyebut harga yang berjaya tidak boleh menukar hak milik atau menjual kenderaan tersebut kepada pihak lain dalam tempoh satu tahun dari tarikh keputusan dimaklumkan.
- n) Proses pelupusan kenderaan secara Sebut Harga ini adalah merujuk kepada 1 Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset, AM 2.7 – Pelupusan.